

Sorotan terhadap Aplikasi Dimensi Pembelajaran Marzano dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Penulisan Karangan Argumentatif

(Application of Marzano's Learning Dimensions in Learning and Facilitation of Argumentative Essay Writing)

*MARZNI MOHAMED MOKHTAR¹, MARNI JAMIL²

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia¹

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang²

Abstrak

Guru seharusnya bijak mengimbangi antara kandungan pengetahuan atau ilmu yang ingin disampaikan dan kemudiannya digabungkan bersama dengan kemahiran-kemahiran lain khususnya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam membudayakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan. Kajian ini menumpukan pertimbangan terhadap kerelevanan pengaplikasian Dimensi Pembelajaran Marzano (1993) sebagai kerangka pandu dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Seramai dua orang guru Bahasa Melayu yang mengajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah telah dipilih sebagai peserta kajian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Proses pengumpulan data bersama-sama kedua-dua peserta kajian telah dilakukan dengan cara temu bual secara mendalam, pemerhatian di dalam bilik darjah, dan penganalisan karangan argumentatif murid. Manakala data-data dianalisis menerusi proses penyaringan kod, penentuan kriteria dan pembinaan tema. Tema yang ditemui sebagai dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada lima dimensi yang digagaskan oleh model ini iaitu (i) dimensi sikap dan persepsi; (ii) dimensi memperolehi dan menyepadukan pengetahuan; (iii) dimensi memperluas dan menyempurnakan pengetahuan; (iv) dimensi menggunakan pengetahuan yang bermakna; dan (v) dimensi tabiat pemikiran.

Kata kunci: Pembelajaran Marzano, kajian kes kualitatif, karangan argumentatif

Abstract

Teachers should carefully balance the content of knowledge or knowledge that they wish to convey and then integrate with other skills, in particular, higher-level thinking skills (HOTS) into the effective learning and facilitation (LAF) process. This study will focus on the relevance of the application of the Marzano Dimensions of Learning Model (1993) as a guide in the argumentative essay writing process. The design of qualitative research using a case study approach has been used in this study. Two teachers who teach the Malay Language in Form Four in secondary school have been selected as participants in the study using a purposeful sampling technique. The data collection process for both study participants was performed through in-depth interviews, classroom observations, and student argumentative essay analysis. While the data is analyzed through the coding process, the codes are categorized and the themes are created. The themes described in the results of this study are focused on the five dimensions that this model proposes: (i) positive attitudes towards learning; (ii) acquisition and integration of knowledge; (iii) extending and refining knowledge; (iv) using knowledge meaningfully; and (v) productive habits of mind.

Keywords: Marzano's Learning, qualitative case study, argumentative essay writing

Received: June 01, 2020; **Accepted:** July 16, 2020; **Published:** October 20, 2020

© 2020 PKS. All rights reserved.

* Corresponding author: marzni@upm.edu.my

PENGENALAN

Wacana argumentatif dapat difahami sebagai wacana yang mengandungi hujahan berteraskan usul, pendapat bukti-bukti atau kenyataan dikemukakan sebagai penjelasan dan mempunyai unsur-unsur perdebatan dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan atau persetujuan daripada pihak pembaca terhadap sesuatu pendapat atau buah fikiran (Goh, 1995). Malah, karangan argumentatif merupakan sebuah wacana yang terdiri daripada kekuatan bahasa yang berupaya menghasilkan idea dan pemikiran, menarik tumpuan pembaca dengan menggunakan bahasa beremosi, membina kepercayaan, nilai dan rayuan yang dramatik bagi mewujudkan unsur persuasif dan mencapai titik kesatuan tentang isu-isu yang dihujahkan dalam bentuk tulisan untuk dikongsi bersama pembaca (Toulmin, 1958, 2001 & 2003; Wood, 1998 & 2001; Hitchcock & Verheij, 2006; Abdul Jalil, Mahzan, & Rahmad Sukor, 2008; Armstrong & Fogelin, 2010; Erlin Noviyanti, 2011; Nureeyah, 2015).

Bagi pelaksanaan PdPc karangan argumentatif yang berkesan, adalah penting bagi guru memenuhi semua tuntutan proses pengajaran yang kompleks dan adakalanya rumit. Tuntutan proses pengajaran ini merupakan proses yang kompleks kerana guru memerlukan pengetahuan berkaitan sejauh mana murid mampu dan bersedia untuk menerima pengetahuan berkaitan dengan tatacara penulisan karangan argumentatif yang tepat dan jelas. Selain itu, guru perlu menyediakan pengalaman awal dan pendedahan kepada murid mengenai tatacara mengeluarkan idea, membahaskan hujah, menyenaraikan bukti, dan membuat kesimpulan melalui empat jenis penulisan karangan iaitu karangan fakta, perbincangan, pendapat, dan perbahasan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman sendiri murid. Semua tuntutan kompleks ini menjadikan karangan argumentatif merupakan karangan yang paling sukar ditulis dan dikuasai oleh murid (Moore et al., 2011; Buchman & Jitendra, 2006; Coker & Erwin, 2011). Hal ini disebabkan oleh tatacara penulisan wacana ini yang memerlukan keupayaan murid mengutarakan lebih daripada pandangan dan perasaan yang bersifat peribadi berkaitan sesuatu subjek yang dibahaskan (Moore et al., 2011; Buchman et al., 2006). Murid juga didapati lebih gemar untuk tidak memilih karangan argumentatif kerana berasa tidak selesa dengan situasi penulisan argumentatif yang sukar (Brudvik et al., 2006). Melihat pada permasalahan ini, adalah penting untuk kajian ini dilakukan bagi meneliti cara guru Bahasa Melayu melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif.

PENGAPLIKASIAN DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO (1993)


Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) yang dipelopori oleh Robert J. Marzano (1993) merujuk kepada sebuah model pengajaran yang praktikal untuk digunakan oleh guru bagi meningkatkan kualiti Pdp dalam apa jua bidang. DPM (1993) juga dapat menjadikan individu lebih memahami kemahiran berfikir diri sendiri serta kelemahan dan kekuatan diri kerana kita dapat memahami setiap aspek dan mengetahui cara aspek-aspek tersebut berinteraksi (Yee et al., 2010b & Yee, 2015). DPM (1993) terdiri daripada lima dimensi pembelajaran iaitu (i) dimensi sikap dan persepsi; (ii) dimensi memperolehi dan menyepadukan pengetahuan; (iii) dimensi memperluas dan menyempurnakan pengetahuan; (iv) dimensi menggunakan pengetahuan yang bermakna; dan (v) dimensi tabiat pemikiran (Tarleton, 1992; Marzano, Debra & Jay, 1993; Yee et al., 2011; Marzano, 2013; Mohamad Shukri, 2016; Yee et al., 2016; Mohamad Nizam, Noor Azean, Abdul Halim, Mahani, & Mohd Salleh, 2017).

DPM yang pertama ialah sikap dan persepsi. Dalam dimensi ini, sikap dan persepsi dilihat dapat mempengaruhi kemampuan murid untuk belajar (Yee et al., 2010a). Waras Kamdi (2002) kemudian memperihalkan sikap dan persepsi bagi dimensi pembelajaran dapat diteliti dalam dua aspek iaitu (i) sikap dan persepsi terhadap iklim pembelajaran di dalam bilik darjah; dan (ii) sikap dan persepsi murid terhadap tugas yang diberikan oleh guru. Seterusnya, DPM kedua terdiri daripada aspek memperolehi dan menyepadukan

pengetahuan. Dimensi ini digunakan bagi membantu murid memperoleh dan menyepadukan pengetahuan baharu adalah salah satu aspek penting dalam pembelajaran (Yee et al., 2010a). Murid memperoleh pengetahuan dengan cara yang berbeza seperti melakukan eksperimen, membaca maklumat, menyemak karangan, dan sebagainya. Pengetahuan dapat dikategorikan kepada dua kelompok iaitu pengetahuan deklaratif dan pengetahuan prosedural (Waras Kamdi, 2002).

Aspek ketiga dalam DPM merujuk kepada bagaimana murid memperluas dan menyempurnakan pengetahuan. Proses pembelajaran tidak berhenti dengan memperoleh dan menyepadukan pengetahuan (Yee et al., 2010a). Murid harus mengembangkan pemahaman secara mendalam melalui kemahiran memperluaskan dan menyempurnakan pengetahuan mereka. Dalam dimensi ketiga ini, Marzano telah memasukkan lapan aspek kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang dapat digunakan oleh murid untuk memperluas dan menyempurnakan pengetahuan mereka. Lapan aspek KBAT ini terdiri daripada kemahiran membanding beza, mengklasifikasi, induktif, deduktif, analisis ralat, pembinaan sokongan, menganalisis perspektif, abstrak (Waras Kamdi, 2002; Yee et al., 2011; Marzano, 2013; Mohamad Shukri, 2016; Yee et al., 2016; Mohamad Nizam et al., 2017).

Berikutnya ialah DPM yang keempat iaitu bagaimana murid menggunakan pengetahuan yang bermakna. Pembelajaran yang paling berkesan berlaku ketika kita menggunakan pengetahuan untuk melakukan tugas-tugas yang bermakna (Yee et al., 2010a). Dalam model dimensi pembelajaran ini, terdapat lima kemahiran yang boleh digunakan untuk menggalakkan penggunaan pengetahuan yang bermakna, iaitu membuat keputusan, menyelesaikan masalah, inkuiri eksperimen, mereka cipta dan menyiasat (Waras Kamdi, 2002; Yee et al., 2010a; Yee et al., 2011; Marzano, 2013; Mohamad Shukri, 2016; Yee et al., 2016; Mohamad Nizam et al., 2017). Tabiat Pemikiran merupakan DPM yang terakhir. Dalam dimensi ini, pembelajaran yang mengembangkan tabiat pemikiran akan membolehkan seseorang untuk berfikir kritis, kreatif, dan mengawal tingkah laku (Yee et al., 2010a). Rajah 1 menunjukkan keseluruhan dimensi pembelajaran yang terdapat dalam model DPM (1993):



Rajah 1. Model Dimensi Pembelajaran Marzano (1993)

Selain itu, DPM (1993) ini juga dapat dijadikan sebagai kerangka panduan untuk (i) mengekalkan tumpuan terhadap proses pembelajaran yang berlaku; (ii) mempelajari proses pembelajaran yang berlangsung; (iii) membuat perancangan terhadap kurikulum,

pengajaran dan penilaian bagi PdPc yang berlaku dengan mengambil kira kelima-lima aspek pembelajaran kritis (Yee et al., 2011; Marzano, 2013; Yee, Lai, Tee, & Mimi Mohaffyza, 2016). Terdapat 13 aspek KBAT yang ditemui oleh Marzano (1992, 1993, 2009) iaitu membanding beza, mengklasifikasi, induktif, deduktif, analisis ralat, pembinaan sokongan, menganalisis perspektif, abstrak, membuat keputusan, menyiasat, menyelesaikan masalah, inkuiri eksperimen dan intervensi dan kemudiannya diolah sehingga membentuk lima dimensi pembelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aplikasi Dimensi Pembelajaran Marzano (1993) dalam PdPc penulisan karangan argumentatif dilakukan oleh guru Bahasa Melayu di sekolah menengah. Pemilihan kajian kes kualitatif amat sesuai dalam kajian yang bertujuan membantu pengkaji untuk untuk meneroka dan menganalisis sesuatu unit dalam kehidupan yang merangkumi individu, keluarga, institusi, budaya sesebuah kumpulan mahupun komuniti (Young dalam Asmah Omar, 2015). Malah, pelaksanaan kajian kes kualitatif bagi membantu pengkaji untuk membentuk pemahaman yang menyeluruh dan bermakna berkaitan latar kehidupan atau peristiwa yang sebenar, seperti kitaran hidup manusia, organisasi, perubahan yang berlaku dalam komuniti, hubungan serantau dan kematangan sesebuah industri (Merriam, 1988 & 2009) yang terlibat dalam PdPc penulisan karangan argumentatif di dalam bilik darjah. Selain itu, kekuatan pendekatan kajian kes kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana mampu untuk diaplikasikan dalam apa jua situasi PdPc penulisan karangan argumentatif dalam usaha mewujudkan pengetahuan atau penemuan baharu yang berkait rapat dengan seseorang individu, organisasi, sosial, politik dan fenomena yang berkaitan kes yang diteliti secara terperinci (Baxter & Jack, 2008; Seawright & Gerring, 2008; Yin, 2003 & 2009).

Gerring (2007) kemudiannya merumuskan kajian kes kualitatif sebagai penyelidikan yang melibatkan (i) kajian yang melibatkan bilangan sampel yang sedikit; (ii) kajian yang dibuat secara menyeluruh dan mendalam bagi menghuraikan sesuatu kes atau fenomena yang dikaji; (iii) data-data yang dikumpul diperolehi dalam konteks sebenar atau semula jadi; (iv) memerlukan proses triangulasi; (v) menggunakan keterangan daripada proses tertentu (pemerhatian turut serta, kajian lapangan, ujian klinikal, kajian sejarah dan sebagainya); (vi) penyebaran bagi sesuatu topik yang sukar dibezakan antara kes yang dikaji dengan konteks sebenar kajian; (vii) kajian yang melibatkan pemerhatian tunggal dan (viii) kajian yang melibatkan fenomena, contoh atau bukti tunggal. Kesemua pandangan Gerring (2007) ini amat bertepatan dengan keperluan kajian ini dalam menjawab persoalan bagaimana guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat melaksanakan PdPc penulisan karangan argumentatif di di sekolah. Dalam kajian ini, proses pengumpulan data melibatkan tiga teknik utama iaitu temu bual secara mendalam, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisan dokumen iaitu karangan argumentatif yang dihasilkan oleh murid. Kesemua data-data ini dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik bagi membina kriteria dan tema yang relevan untuk menjawab soalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Empat tema utama yang diperolehi daripada kesemua pengumpulan data bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu (i) proses penulisan karangan argumentatif berdasarkan konteks sebenar; (ii) kaedah penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif; (iii) alat berfikir KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif dan (iv) tahap penguasaan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Data-data dikumpul menerusi teknik temu bual secara mendalam sebanyak 14 kali (tujuh kali bagi setiap peserta kajian), pemerhatian di dalam bilik darjah bagi PdPc karangan sebanyak 13 kali (enam kali bagi setiap peserta kajian dan pemerhatian serentak bagi sesi terakhir) dan penganalisan dokumen yang melibatkan karangan argumentatif, buku teks, buku kerja, nota edaran, RPH guru, teks perbahasan dan hasil kerja pembentangan atau aktiviti berkumpulan.

(i) *Proses penulisan karangan argumentatif berdasarkan konteks sebenar*

Dalam konteks sebenar, terdapat tiga cara yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian untuk mengajar karangan argumentatif kepada murid. Ketiga-tiga cara ini dapat dilihat menerusi (i) pendedahan terhadap variasi karangan argumentatif kepada murid; (ii) pengaplikasian kata-kata hikmat, tokoh atau peribahasa dalam karangan murid; dan (iii) pemilihan tajuk dan kata kunci soalan karangan argumentatif oleh dilakukan guru. Variasi karangan argumentatif yang diperkenalkan kepada murid merangkumi karangan fakta, karangan perbahasan dan karangan pendapat.

Encik Fahmi: *Ya saya nak sebut dua perkara err tiga perkara sebelum ni yang kita dah sebut iaitu fakta dan pendapat. Jadi fakta ini saya sebutkan sebagai*
 Murid: *Isi*
 Encik Fahmi: *Pendapat sebagai Huraian*

(Rakaman Video11/ baris 15.42 – 17.16)

Guru menerangkan bahawa tujuan karangan fakta dibuat adalah untuk memberitahu atau menjelaskan sesuatu maklumat, arahan dan peraturan dan mengandungi huraian dalam bentuk fakta dan contoh (Pemerhatian 12/ Rahimi).

Selanjutnya, kedua-dua peserta kajian memberikan perhatian dan peringatan yang berterusan kepada murid untuk menggunakan kata-kata hikmat, tokoh atau peribahasa yang perlu dimasukkan ke dalam karangan argumentatif. Dalam kajian ini, pengkaji telah berjaya menemui contoh kata-kata hikmah yang digunakan oleh murid dalam karangan argumentatif seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1. Dapatan kajian bagi karangan argumentatif murid

Kata-Kata Hikmat/Tokoh	Petikan Karangan Argumentatif Murid (KAM)
<i>komunikasi adalah sesuatu yang mudah, susahnyalah apabila kita tidak menyebutnya dengan perkataan yang mudah</i>	Berkomunikasi di antara jiran haruslah mengikut aliran pemodenan tapi jadilah intelek yang bijak dalam berkomunikasi. T.S. Matthews pernah berkata <i>komunikasi adalah sesuatu yang mudah, susahnyalah apabila kita tidak menyebutnya dengan perkataan yang mudah.</i> (KAM1)
<i>Apalah gunanya tidur sebanal jikalau mimpi berbeza-beza, lebih baik tidur berlainan bantal asalkan mimpi tetap sama</i>	"Apalah gunanya tidur sebanal jikalau mimpi berbeza-beza, lebih baik tidur berlainan bantal asalkan mimpi tetap sama" bermaksud perpaduan dan kerjasama ini penting bagi menobatkan imej negara Malaysia di persada dunia agar Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang memiliki komuniti yang bersepadu. (KAM1) Seperti kata pepatah Confucius, "apalah gunanya tidur sebanal jikalau mimpi berbeza-beza, lebih baik tidur berlainan bantal asalkan mimpi tetap sama", tidak mustahil remaja yang berfikiran jauh dapat dihasilkan jika semua pihak bertanggungjawab dapat mengatasi semua masalah remaja. (KAM12)

Bimbingan dan tunjuk ajar yang dilakukan oleh kedua-dua peserta kajian turut melibatkan usaha Encik Fahmi dan Encik Rahimi membantu murid mengenal pasti tajuk yang membantu murid melengkapkan tugas menulis karangan. Bagi pemilihan tajuk karangan argumentatif, pengkaji ini mendapati bahawa kedua-dua peserta kajian, Encik Fahmi dan Encik Rahimi memasukkan elemen kehidupan seharian bagi membantu murid membina perkaitan langsung antara kehendak tajuk tugas dengan pengalaman yang

dilalui dan mencungkil penguasaan KBAT murid dalam menyelesaikan tugas karangan argumentatif.

(ii) Kaedah penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memberikan perhatian terhadap bagaimana cara yang dilaksanakan oleh kedua-dua peserta kajian menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Antara cara yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian ialah bergantung kepada kaedah pengajaran yang digunakan dalam PdPc. Terdapat dua kaedah pengajaran yang ditemui dalam dapatan kajian iaitu (i) kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan (ii) kaedah perbahasan. Kedua-dua kaedah ini dilihat mendominasi PdPc yang dilangsungkan oleh kedua-dua peserta kajian, Encik Fahmi dan Encik Rahimi sebagai usaha menerapkan KBAT dalam PdPc proses penulisan karangan argumentatif. Pendedahan terhadap kaedah perbahasan di dalam bilik darjah ini dilakukan oleh Encik Fahmi dan Encik Rahimi menerusi simulasi pertandingan perbahasan. Tujuan kaedah perbahasan digunakan adalah untuk:

Encik Fahmi: *sebagai pengukuhan kepada aaa untuk mereka meningkatkan kemahiran berfikir dan berhujah (TB1/baris 470).*

Encik Rahimi: *tahu sejauh mana pengetahuan dia tentang sesuatu isu (TB1/baris 520-526).*

Bagi aktiviti PAK21, pengkaji telah mendapati bahawa Encik Fahmi dan Encik Rahimi menggunakan lima aktiviti utama dalam PAK21 untuk menerapkan KBAT dalam PdPc proses penulisan karangan argumentatif. Kelima-lima aktiviti PAK21 ini terdiri daripada rundingan meja bulat (*round table*), perkongsian (*pair-think-share*), *one stay three stray*, pembentangan dan kunjungan galeri (*gallery walk*). Contoh berikut menunjukkan kedua-dua peserta kajian melaksanakan aktiviti PAK21:

Encik Fahmi: *pair-think-share merupakan share, share, share share maksudnya to share kita kongsi bahan kita dengan rakan kita di sebelah, kita ceritakan, apa yang dia tahu, apa yang dia ingin tahu dan mungkin apa yang bila kawan dia sebelah dia, dengar penceritaan dari kawan sebelah mungkin dia ada pelajari sesuatu ooo rupanya kalau kita katakan tadi kan semangat kejiranan rupanya kita perlukan apa menziarahi ataupun kenal saja tak cukup, perlu datang rumah dia ziarah macam tulah (TB6/baris 236-242)*


Encik Rahimi: *macam err Gallery Walk (TB12/baris 61-62).*

Encik Rahimi: *bergerak dari satu tempat ke satu tempat maksudnya dari satu stesen ilmu (TB12/baris 64-65).*

Terdapat tiga instrumen utama yang digunakan bagi pelaksanaan aktiviti PAK21 iaitu papan putih sendiri (*personal white board*) bagi membantu aktiviti *pair-think-share*, penggunaan kad berwarna trafik (*traffic light card*) bagi aktiviti pembentangan dan nota berpelekat (*sticky note*) bagi aktiviti *gallery walk*. Dalam menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif, Encik Fahmi dan Encik Rahimi telah menggunakan simulasi pertandingan perbahasan sebagai usaha memberi pendedahan kepada murid. Hal ini demikian kerana bagi karangan argumentatif jenis perbahasan, terdapat perbezaan dalam menyediakan teks perbahasan bagi kegunaan pertandingan dan konteks penulisan di dalam bilik darjah.

(iii) Alat berfikir KKBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif

Tema ketiga yang ditemui dalam kajian ini berkaitan alat berfikir KBAT yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian, Encik Fahmi dan Encik Rahimi dalam PdPc penulisan karangan argumentatif ialah. Menerusi teknik pengumpulan data yang dilakukan iaitu temu bual secara mendalam dan pemerhatian di dalam bilik darjah, secara keseluruhannya kedua-dua peserta kajian menggunakan dua alat berfikir iaitu (i) penggunaan teknik penyoalan 1H5W dalam PdPc dan (ii) penggunaan peta pemikiran i-Think dalam PdPc di samping menggunakan (iii) bahan pengajaran bagi menggalakkan penggunaan alat berfikir untuk menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Teknik penyoalan 1H5W terdiri daripada soalan apa (what), mengapa (why), bila (when), di mana (where), siapa (who) dan bagaimana (how). Pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga jenis bahan pengajaran yang digunakan secara berterusan oleh kedua-dua peserta kajian, Encik Fahmi dan Encik Rahimi. Ketiga-tiga bahan pengajaran ini ialah (i) bahan berstruktur (buku teks); (ii) bahan tidak berstruktur (buku kerja dan nota edaran); dan (iii) bahan digital (Frog VLE). Contoh berikut menunjukkan penggunaan bahan digital dalam PdPc penulisan karangan argumentatif:



Rajah 2. Pengaktifan ruang komen bagi bahan digital (Frog VLE)

PERBINCANGAN

Aspek DPM1 melihat pada sikap dan persepsi. Dalam konteks kajian ini, Bagi mewujudkan iklim pembelajaran yang baik, kedua-dua peserta kajian didapati memberikan perhatian terhadap kesediaan dalaman murid (persediaan mental) dan kesediaan luaran murid sebelum memulakan PdPc penulisan karangan argumentatif. Antara aspek kesediaan dalaman murid yang telah diberikan fokus oleh guru ialah perasaan saling menerima antara murid dengan guru (hubungan mata, perasaan positif dan sebagainya) dan juga mewujudkan perasaan tenang (keadaan bilik darjah, susun atur perabot yang kondusif

dan selesa) (Waras Kamdi, 2002). Contohnya, menerusi pemerhatian pengkaji, murid-murid dilihat berasa teruja untuk memasuki makmal komputer bagi menggunakan aplikasi *Frog VLE* namun berasa hampa apabila berlaku masalah teknikal dalam PdPc tersebut seperti komputer yang tidak berfungsi, capaian internet dan tidak mempunyai akses menggunakan aplikasi tersebut. Hal ini ditangani dengan baik oleh guru apabila guru menyediakan tugas dengan lebih awal dan murid dapat menggunakan aplikasi tersebut di mana-mana dan pada bila-bila masa tanpa perlu memasuki makmal komputer tersebut. Sikap dan persepsi murid dalam dimensi dapat dilihat apabila murid melihat kelas sebagai tempat yang tidak selesa dan tidak teratur, mereka mungkin akan belajar sedikit di sana. Malah, pencapaian DPM juga berlaku menerusi sikap murid terhadap tugas yang diberikan. Menerusi pemerhatian pengkaji, murid-murid menunjukkan minat yang positif terhadap tugas berbahas di dalam bilik darjah dan berkumpul semasa aktiviti kunjungan galeri (*gallery walk*) dijalankan. Bagi tugas penulisan karangan argumentatif yang lengkap, murid dilihat mengambil sedikit masa untuk dilengkapkan selepas tamat PdPc dilakukan oleh kedua-dua peserta kajian.

DPM kedua terdiri daripada aspek memperolehi dan menyepadukan pengetahuan. Kedua-dua peserta kajian didapati berupaya memenuhi keperluan DPM 2 semasa pemerhatian di dalam bilik darjah berlangsung. Hal ini kerana kedua-dua peserta kajian berusaha untuk menghubungkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada, mengorganisasikan maklumat, dan kemudian menjadikannya sebahagian daripada memori jangka panjang untuk menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Kedua-duanya menggunakan pengalaman sebagai jurulatih pasukan bahas sekolah dan pendedahan yang diterima melalui kursus atau latihan dalam perkhidmatan bagi menyampaikan pengetahuan kepada murid. Bagi pengetahuan deklaratif, GA dan GB ini akan memandu pelajar untuk mempelajari maklumat baru seperti adanya penggunaan kata-kata hikmah, tokoh atau peribahasa yang dapat membantu murid mendapat markah yang baik dalam penulisan karangan argumentatif. Selanjutnya, pengetahuan prosedural dalam DPM 2 ini dicapai menerusi usaha guru memahirkan murid untuk menguasai kemahiran, model, langkah, bentuk dan proses bagi PdPc penulisan karangan argumentatif dengan cara menggunakan teknik penulisan karangan yang menggunakan akronim tertentu atau penyediaan rangka karangan yang khusus digunakan bagi karangan perbahasan, karangan fakta atau karangan pendapat. Murid pastinya dapat mempraktikkannya dengan mudah sekiranya usaha ini dilakukan secara berterusan.

Seterusnya, semua aktiviti yang dilaksanakan oleh kedua-dua peserta kajian ini dilihat amat bertepatan dengan gagasan yang terdapat pada DPM 3 iaitu cara murid memperluas dan menyempurnakan pengetahuan. Hal ini demikian kerana Marzano telah memberikan justifikasi bagi lapan definisi KBAT yang terdiri daripada kemahiran membanding beza, mengklasifikasi, induktif, deduktif, analisis ralat, pembinaan sokongan, menganalisis perspektif dan abstrak. Murid dilihat mampu menguasai dimensi ketiga ini memandangkan murid berupaya menyempurnakan tugas pada aras kognitif analisis dengan baik. Dalam dimensi pembelajaran ini, murid perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menganalisis apa yang telah dipelajari dengan melaksanakan proses mencari sebab yang akan membantu mereka menambah dan memperluaskan pengetahuan berkaitan topik yang dibahaskan dalam karangan argumentatif. GA dan GB didapati membantu murid untuk memperluas dan menyempurnakan pengetahuan mereka dengan cara memberikan kerangka langkah-langkah secara eksplisit tentang suatu proses, atau dengan menggunakan tugas yang berstruktur. Antara tugas berstruktur yang disediakan oleh GA dan GB ialah aktiviti pembentangan, penulisan perenggan bagi ayat topik, ayat sokongan, penyediaan pengenalan karangan dan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam PdPc penulisan karangan argumentatif.

DPM4 pula memberi penekanan pada cara murid menggunakan pengetahuan yang bermakna. Dalam usaha menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif, kedua-dua Encik Fahmi dan Encik Rahimi sedar akan tujuan yang ingin diperolehi pada akhir proses pembelajaran. Dalam dimensi ini, Encik Fahmi dan Encik Rahimi berupaya

mencungkil pengetahuan bermakna murid menerusi teknik penyzoalan bercapah dan bertumpu bagi setaip topik atau tugana penulisan karangan argumentatif. Penggunaan teknik penyzoalan 1H5W misalnya bertujuan untuk mendorong murid berfikir untuk memilih apakah penyelesaian terbaik untuk sesuatu isu; bagaimana sesuatu perkara itu terjadi; apakah ciri khas yang menyebabkan perkara tersebut berlaku; bagaimana murid dapat menjelaskan hal tersebut; apakah jangkaan yang dapat dibuat terhadap isu yang dibincangkan berpandukan kepada kelima-kelima aspek KBAT yang digagaskan oleh Marzano (Waras Kamdi, 2002; Yee, 2015; Mohamad Shukri, 2016).

Setelah murid berupaya menggembelngkan keempat-empat DPM ini, adalah penting bagi Encik Fahmi dan Encik Rahimi membentuk tabiat pemikiran kritis murid. DPM5 akhirnya dijadikan sebagai panduan untuk mewujudkan budaya atau tabiat pemikiran kritis murid dalam PdPc penulisan karangan argumentatif sekaligus bertujuan mengasah keupayaan berfikir murid. Dalam penulisan karangan argumentatif, tabiat pemikiran kritis murid dapat diwujudkan menerusi berfikir dan bertindak secara cermat, jelas, terbuka, mengawal diri sendiri, sensitif terhadap tingkat pengetahuan yang diperoleh. Berikutnya, pemikiran kreatif dapat dikuasai menerusi tabiat pemikiran murid yang bersemangat tinggi, bersungguh-sungguh, berkeyakinan tinggi dan mampu menciptakan produk atau proses baharu. Bagi pemikiran sendiri, tabiat pemikiran murid diwujudkan berdasarkan kepada pengetahuan yang diketahui dan difikirkan olehnya, melakukan tindakan yang teratur, menilai tindakan yang dilakukan secara efektif dan mengetahui sumber-sumber yang penting dan menjaga sensitiviti. Pemikiran sendiri dalam kalangan murid telah dibentuk menerusi tindakan Encik Fahmi dan Encik Rahimi yang melatih murid menggunakan aras kognitif penilaian dan aras kognitif penciptaan dalam produk penulisan yang dihasilkan,

Aras kognitif penilaian pula mempunyai dua peringkat iaitu penilaian berdasarkan evidens dalaman dan penilaian berdasarkan evidens luaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid hanya mampu melakukan penilaian berdasarkan evidens dalaman sahaja memandangkan penilaian yang dilakukan hanya bertumpu pada aktiviti pembentangan dan *gallery walk* di dalam bilik darjah. Guru telah memberikan perhatian dan pendedahan kepada murid untuk membuat penilaian berdasarkan evidens luaran. Penilaian sebegini dapat dilakukan dengan cara murid merujuk pakar-pakar tertentu untuk meneliti hasil kerja mereka sebagai usaha meningkatkan penulisan dan penghasilan produk karangan yang bermutu. Aras kognitif penciptaan juga menunjukkan bahawa murid pada akhir penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif berupaya menghasilkan produk penulisan. Produk penulisan yang dihasilkan ini dilihat telah pun merangkumi ketiga-tiga peringkat yang terdapat pada aras kognitif penciptaan iaitu penghasilan set komunikasi yang unik (penyampaian pemikiran murid dalam penulisan untuk dibaca oleh guru atau khalayak), penghasilan cadangan satu set operasi (format penulisan karangan argumentatif) dan penghasilan satu set pertalian perkara abstrak (cadangan data, hujah, andaian, sokongan, pematihan hujah atau penambahjelasan hujah bagi sesuatu isu).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengaplikasian Dimensi Pembelajaran Marzano (1993) dalam PdPc penulisan karangan argumentatif merupakan salah alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh ara pendidik bahasa Melayu dalam usaha menangani cabaran menyepadukan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan guru. Adalah menjadi keperluan bagi guru untuk bersikap bijak mempertautkan kaedah, pendekatan, strategi atau teknik pengajaran yang terbaik mengikut darjah penerimaan murid dan tuntutan semasa yang berlaku dalam lapangan pendidikan. Kesedaran ini amat perlu dalam kalangan guru khususnya bagi memastikan budaya keilmuan di dalam bilik darjah dapat dimartabatkan dengan jayanya tanpa meminggirkan kepentingan atau perkara asas yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid. Melalui pengaplikasian DPM dalam PdPc penulisan karangan argumentatif, usaha membudayakan pengajaran berasaskan KBAT dilihat turut digembelng pada masa yang sama dan berupaya mendatangkan impak yang positif bagi

segenap lapisan masyarakat yang melibatkan murid, guru, pihak pentadbir mahupun kementerian atau khalayak umum terhadap budaya berfikir.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman, Mahzan Arshad, & Rahmad Sukor Ab. Samad. (2008). Penggunaan kohesi gramatikal dan leksikal dalam mod penulisan argumentatif dan ekspositori. *Masalah Pendidikan, 31(1)*, 135-146.
- Armstrong, W. S. & Fogelin, R. (2010). *Understanding arguments: An introduction to informal logic* (8th ed.). United State: Wadsworth Cengage Learning.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baxter, P. & Jack, S. (2008). Qualitative case study methodology: Study design and implementation for novice researchers. *The Qualitative Report, 13(4)*, 544-559.
- Buchman, A.D & Jitendra, A.K. (2006). Enhancing argumentative essay writing of fourth-grade students with learning disabilities. *Learning Disability Quarterly Winter, 29*, 39-54.
- Brudvik, O. C., Hong, K. H., Chee, Y. S., & Guo, L. (2006). Assessing the impact of a structured argumentation board on the quality of students' argumentative writing skills. Proceedings of the 14th International Conference on Computers in Education (hlm. 141-148). Amsterdam: IOS Press.
- Coker, D. L., Jr. & Erwin, E. (2011). Teaching academic argument in an urban middle school : A case study of two approaches. *Urban Education, 46 (2)*, 120-140.
- Erlin Noviyanti Prihastuti. (2011). *Keefektifan penggunaan media wall chart (bagan dinding) dalam meningkatkan kemampuan menulis karangan argumentasi siswa kelas x sma Negeri 1 Seyegan Sleman*. (Disertasi ijazah Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan). Fakultas Bahasa dan Seni: Universitas Negeri Yogyakarta.
- Gerring, J. (2007). *Case study research principles and practices*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Goh, O. S. & Tenaga Pengajar Kursus Bahasa Malaysia IV. (1995). *Bahasa Melayu kemahiran*. Pulau Pinang: Pusat Bahasa dan Terjemahan Universiti Sains Malaysia.
- Hitchcock, D. & Verheij, B. (2006). *Arguing on the Toulmin model new essays in argument analysis and evaluation*. The Netherlands: Springer.
- Marzano, R. J. (1992). *A different kind of classroom: teaching with dimensions of learning*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Marzano, R.J. (1993). How classroom teachers approach the teaching of thinking. *Theory into Practice, 32(3)*, 154-160.
- Marzano, R. J. (2009). *Designing & teaching learning goals & objectives*. Bloomington: Marzano Research Laboratory.
- Marzano, R. J. (2013). *Becoming a high reliability school: The next step in school reform*. Bloomington: Marzano Research Laboratory.

- Marzano, R. J., Pickering, D., & Brandt, R. S. (1990). Intergrating instructional programs through dimensions of learning. *Educational Leadership*, 17-24.
- Marzano, R. J., Pickering, D., & Jay, M. (1993). *Assessing student outcomes: Performance assessment using the dimensions of learning model*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Maxwell, J. A. (2008). Designing a qualitative study. Dalam Bickman L. & Rog, D.J., *The SAGE Handbook of Applied Social Research Methods* (hlm. 214-253). California: SAGE Publications Inc.
- Mohamad Nizam Arshad, Noor Azean Atan, Abdul Halim Abdullah, Mahani Mokhtar, & Mohd Salleh Abu. (2017). Learning the strategy of reasoning through marzano dimensional mastery learning model among form four students for the topic of differentiation. *Sains Humanika*, 9(1-4), 1-7.
- Mohamad Shukri Ismail. (2016). Gaya pembelajaran dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar teknikal. (Disertasi ijazah sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Moore, N. S. & MacArthur, C. A. (2011). The effects of being a reader and of observing readers on fifth-grade students' argumentative writing and revising. *Reading and Writing*, 25(6), 1449-1478.
- Nureeyah Maekong. (2015). *Enhancing students argumentative writing performance and critical thinking skills through incorporation of concept mapping and content-based instruction*. (Disertasi ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia.
- Seawright, J. & Gerring, J. (2008). Case selection techniques in case study research: a menu of qualitative and quantitative options. *Political Research Quarterly*, 61(2), 294-308.
- Tarleton, D. (1992). *Dimensions of learning: A model for enhancing student thinking and learning*. (Disertasi ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan). School of Education: Nova University.
- Toulmin, S. E. (1958). *The uses of argument*. London: Cambridge University Press.
- Toulmin, S. E. (2001). *Return to reason*. London: Harvard University Press.
- Toulmin, S. E. (2003). *The uses of argument updated edition*. London: Cambridge University Press.
- Waras Kamdi. (2002). Mengajar berdasarkan model dimensi belajar. *Jurnal Guruan Dasar dan Menengah*, 4(5 & 6), 29-35.
- Wood, N.V. (1998). *Perspectives on argument* (2nd ed.). New Jersey: Prentice Hall International.
- Wood, N.V. (2001). *Writing argumentative essays* (2nd ed.). New Jersey: Prentice Hall International.
- Yee, M. H. (2015). Kesan manual pengintegrasian strategi pembelajaran dan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap penjanaaan idea dalam kalangan pelajar teknikal. (Disertasi ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- Yee, M. H., Jailani Md Yunos, Suzanna Ibrahim@Sulong, Widad Othman, & Tee, T. K.. (2010a). Pola kemahiran berfikir aras tinggi marzano berdasarkan dimensi menggunakan pengetahuan bermakna. *Proceedings of World Congress on Teacher Education for TVET in Conjunctions with World Teachers Day Celebration*. (Hlm. 1-8). Johor Bahru: Universiti Tun Hussein On Malaysia.
- Yee, M. H., Jailani Md Yunos, Widad Othman, Razali Hassan & Tee, T. K.(2010b). Penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi marzano dalam penjanaan idea. *Prosiding Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2010 (MEDC)* (Hlm. 1-11). Shah Alam : Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Yee, M. H., Jailani Md Yunos, Razali Hassan, & Mimi Mohaffyza Mohamad. (2013). Penilaian kualiti manual pembelajaran sendiri pengintergrasian gaya pembelajaran kolb & kemahiran berfikir aras tinggi Marzano. *Proceeding of International Conference On Social Science Research (ICSSR)* (Hlm. 1357-1368). Pulau Pinang: Worldconferences.Net.
- Yee, M. H., Lai, C. S., Tee, T. K., & Mimi Mohaffyza Mohamad. (2016). The role of higher order thinking skills in green skill development. *Proceedings of The 3rd International Conference on Manufacturing and Industrial Technologies (ICMIT 2016)* (Hlm. 1-5). Istanbul: MATEC Web of Conferences.